

BIDANG KEPAKARAN

1. Pengurusan Kelestarian Alam Sekitar
(*Environmental Sustainability Management*)
2. Pengurusan Sisa
(*Waste Management*)
3. Dayahuni Bandar
(*Urban Livability*)



PROF. MADYA DR. AHMAD FARIZ MOHAMED

PROFIL

Ahmad Fariz Mohamed memulakan karier sebagai Pegawai Sains di LESTARI pada 1994, kemudian sebagai Pensyarah pada 1997. Kini memegang jawatan Profesor Madya dan Felo Kanan di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI). Mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan dan pengajaran lebih 25 tahun. Bidang pengkhususan dalam bidang pengurusan kelestarian alam sekitar, pengurusan sisa, metabolisme bandar, dayahuni bandar dan pembangunan ekosistem industri bagi aspek kajian dasar dan sistem pengurusan. Juga menjalankan kajian dalam bidang Teknologi Bersih, Penghasilan Bersih dan Ekologi Industri. Telah berjaya menyelia 13 graduan PhD dan 3 graduan Sarjana UKM. Juga terlibat sebagai penyelia bersama untuk 1 graduan PhD dan 1 graduan Sarjana Universiti Putra Malaysia. Kini menyelia 7 pelajar Doktor Falsafah dan 3 pelajar Sarjana. Aktif menerbitkan pelbagai bentuk penulisan dengan jumlah terkini sebanyak 180. Daripada jumlah ini telah terbitkan 19 buah buku, 22 bab dalam buku dan 63 jurnal. Penerbitan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Telah menjalankan projek penyelidikan untuk pelbagai peringkat Kebangsaan (24 Projek Kajian) dan Antarabangsa (9 Projek Kajian) antaranya Research And Training For Measuring And Monitoring Ecosystem Health In A Large-Scale Ecosystem biaya oleh UNEP (1997-1999), Evaluation of Danish Environmental Assistance in Southeast Asia: Malaysia Chapter biaya oleh DANIDA (2002-2003), 3R Policies for Southeast and East Asia biaya oleh Institute for ASEAN and East Asia (ERIA), Japan External Trade Organization (JETRO) (2010-2013) manakala diperingkat Kebangsaan Kajian Pembentukan dasar SMART SELANGOR MAMPAN 2035 untuk Kerajaan Negeri Selangor (2017-2018) dan Kajian Dasar Alam Sekitar Negara (2020-2021). Menyumbang kepada keperluan agensi kerajaan dan juga menjadi ahli persatuan berasaskan keperluan akademik. Antara sumbangan adalah menjadi ahli Jawatankuasa Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Jabatan Alam Sekitar Malaysia sejak 2005, ahli Jawatankuasa Teknikal Penilaian Karbon Industri Pembinaan 2019, CIDB, ahli Jawatankuasa Teknikal Bagi Membangunkan Modul Latihan Sisa Pembinaan dan Perobohan, 2018-2019, CREAM, CIDB dan ahli TWG Penggunaan dan Pengeluaran Mampan RMK 12, 2019, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia. Telah menerima beberapa anugerah iaitu Anugerah oleh Universiti Kebangsaan Malaysia untuk perkhidmatan 20 tahun, Anugerah Kecemerlangan Malaysia Research Assessment (MyRA) UKM Penilaian Tahun 2019 dan Anugerah Bitara (Keterlibatan Industri & Masyarakat) 2020.